



**SERDANG, 7 Jun** – Tiga penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) menghasilkan perisian baharu berbentuk cakera padat iaitu Phonics Tutor Software untuk kanak-kanak disleksia visual.

Ketua penyelidik, Prof. Madya Dr. Vijayaletchumy Subramaniam dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), UPM berkata penemuan teknologi itu membantu kanak-kanak disleksia visual menguasai kemahiran menulis, membaca dan mengira (3M).

Beliau berkata perisian itu menggunakan enam kaedah mengeja berteraskan Orton-Gillingham Phonogram serta membantu mereka mencungkil kebolehan dalam aspek berbeza.

“Produk yang dianggarkan berharga RM250 di pasaran kelak menekankan aspek bacaan bahasa Melayu berteraskan Teori Levinson yang sesuai untuk murid disleksia berumur empat hingga sembilan tahun.



“Ini sesuai dengan suasana pembelajaran di Malaysia yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar berbanding produk disleksia lain yang menggunakan bahasa Inggeris,” katanya pada sidang media Putra Cipta UPM anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti (RMC) dan Pejabat Pemasaran dan komunikasi (MarComm) di sini.

Beliau berkata produk direka untuk kepentingan murid-murid pemulihan yang mengalami masalah pembelajaran spesifik disleksia dalam proses pembelajaran bahasa Melayu. Selain itu, produk itu juga boleh digunakan untuk penggunaan murid-murid tadika dan pra sekolah.

Menurutnya produk itu membantu guru pendidikan khas mengatasi masalah pembelajaran dan keperluan pendidikan kanak-kanak disleksia.

“Kaedah ini boleh dimanfaatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Khas, Pusat Perkembangan Kurikulum, guru dan ibu bapa untuk menangani masalah bacaan bahasa Melayu pada golongan terbabit,” katanya yang juga pensyarah dan penyelidik di Jabatan Bahasa Melayu, FBMK, UPM.



Dr. Vijayaletchumy berkata penyelidikan selama tiga tahun itu telah difailkan paten dan dibiayai oleh Geran Penyelidikan UPM.

Beliau dibantu oleh dua penyelidik lain iaitu pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Prof. Madya Dr. Noor Aina Dani dan pelajar tahun akhir Jabatan Bahasa Melayu, UPM Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad.

Produk yang dihasilkan daripada teknologi penilaian Disleksia Bahasa Melayu atas talian itu pernah memenangi pingat emas International Invention Innovation Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX) 2011, Anugerah Khas Harta Intelek Sedunia dan Program Symbiosis Keusahawanan UPM-MTDC.

Disleksia adalah sejenis masalah pembelajaran khusus iaitu masalah asasnya adalah perbezaan cara otak berfungsi dalam menghubungkan simbol visual melalui bunyi. Selain itu, penghidap disleksia mengalami kesukaran membaca, menulis, memahami, mengeja dan mengira.

**Berita ini disediakan oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MarComm) UPM. (Noor Eszereen Juferi, 03-89466013) Foto (Marina Ismail, 03-8946 6188).**